

8. Tandakan (✓) pada jawapan yang betul. **TP 2**

(a) Pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka diperkukuh dengan

☐	Sistem Pembesar Empat Lipatan	☐	Sistem Pemerintah dan Diperintah
--------------------------	-------------------------------	--------------------------	----------------------------------

(b) Hubungan timbal balik mewujudkan persefahaman dan ikatan antara golongan pemerintah dengan

☐	golongan diperintah	☐	golongan hamba
--------------------------	---------------------	--------------------------	----------------

(c) Kedaulatan Kesultanan Melaka diiktiraf oleh kerajaan Dinasti Ming yang menghantar utusan diketuai oleh

☐	Puteri Hang Li Po	☐	Laksamana Cheng Ho
--------------------------	-------------------	--------------------------	--------------------

(d) Wilayah pengaruh Kesultanan Melayu Melaka diperoleh melalui naungan, perkahwinan dan

☐	perjanjian	☐	penaklukan
--------------------------	------------	--------------------------	------------

(e) Pahang, Kuala Linggi, Kelantan, Rokan, Kampar dan Inderagiri merupakan

☐	wilayah taklukan	☐	wilayah naungan
--------------------------	------------------	--------------------------	-----------------

9. Gariskan jawapan yang betul. **TP 4**

- Pemerintah Kesultanan Melayu Melaka menggunakan gelaran (Sultan : Maharaja) pada awal nama masing-masing selepas kedatangan agama Islam.
- Golongan diperintah terdiri daripada rakyat yang merangkumi golongan merdeka dan golongan (pendatang : hamba).
- Terdapat dua undang-undang (adat : bertulis) yang digunakan pada zaman Kesultanan Melayu Melaka, iaitu Hukum Kanun Melaka dan Undang-undang Laut Melaka.
- Wilayah taklukan merujuk kepada wilayah yang diperoleh Kesultanan Melayu Melaka melalui (peperangan : perjanjian) seperti Pahang, Rokan dan Inderagiri.
- Wilayah naungan ialah wilayah yang menerima ketuanan Kesultanan Melayu Melaka melalui perkahwinan atau persahabatan seperti Kedah, Lingga dan (Patani : Kampar).
- Kesultanan Melayu Melaka menerima wilayah (Kuala Linggi : Siantan) daripada kerajaan Majapahit apabila Sultan Mansur Shah berkahwin dengan Puteri Majapahit.
- Lambang kebesaran seperti adat istiadat, warna (hijau : kuning), regalia, nobat dan cap mohor menjadi identiti dan keistimewaan kepada Sultan Melaka.
- Kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka membuktikan asas negara bangsa telah terbentuk sebelum kedatangan (Barat : Jepun).